

Headline	Jelajah cinta tanpa sempadan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	13	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	370 cm ²
Journalist	Mohd Sabran Md Sani	AdValue	RM 13,613
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,839



Jelajah cinta tanpa sempadan

Program tingakat kesedaran, semai nilai kasih sayang terhadap insan istimewa

Mohd Sabran Md Sani

KUALA LUMPUR: Bagi Pengamanah dan Pengerusi Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad (KBNAB), Norlina Alawi, tiada yang lebih baik dalam hidup ialah keikhlasannya membesarkan anak istimewa, termasuk berpenyakit HIV/Aids, anak yatim, muafaf dan anak tidak sah taraf.

Menurutnya, niat murni dalam membantu insan istimewa hasil cetusan sikap arwah ibunya yang suka membantu sesiapa yang memerlukan bantuan tanpa membezakan status agama, bangsa, tua atau muda dan anak kecil.

Norlina berkata, dia kini dalam program 'Jelajah Cinta Tanpa Sempadan bersama Norlina Alawi' dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor, sebagai lokasi pertama dikunjungi.

"Program itu bertujuan meningkatkan kesedaran dan menyemai nilai kasih sayang terhadap insan istimewa terdiri daripada anak yatim, anak berpenyakit HIV/Aids,

anak muafaf dan anak tidak sah taraf," katanya.

Dia turut mahu menjadi contoh terbaik kepada kira-kira 40 anak angkatnya dengan melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya (UM).

"Sebagai rakyat negara ini saya berbangga dalam usia yang mencecah 41 tahun, saya berkesempatan melanjutkan pengajian ke menara ga-

ding. Sebagai anak jati Malaysia juga, saya ingin memartabatkan imej negara di mata dunia.

"Justeru, perlu bagi saya meningkatkan ilmu pengetahuan dan kebolehan diri. Saya menyedari perkara yang lebih penting adalah menjadi sumber inspirasi kepada 40 anak dan empat cucu serta anak di luar sana," katanya.

Beliau yang lebih senang dipanggil dengan Mama Lina berkata, faktor usia tidak menjadi penghalang kepada dirinya untuk mendapatkan ilmu sebanyak mungkin, selain memikul tanggungjawab untuk membantu insan memerlukan.

"Saya ingin membuktikan bahawa dalam sesibuk mana sekali pun saya akan mencari ruang untuk mendapatkan ilmu, sekali gus membolehkan

anak saya mengikut jejak langkah saya ke menara gading," kata anak kelahiran Kluang, Johor, itu.

Sementara itu, sempena kempen #MYsyg (My Sayang) anjuran Media Prima Berhad, orang ramai berpeluang menghantar rakaman video, teks dan gambar dalam bahasa kebangsaan, Inggeris, Mandarin dan Tamil menerusi laman web www.mysyg.com.my.

Lima penyertaan terbaik bagi setiap kategori layak memenangi hadiah menarik.

Bagi penyertaan kategori video, setiap rakaman tidak boleh melebihi tiga minit, manakala bagi kategori penyertaan teks pula tidak boleh melebihi 150 patah perkataan dan kategori bergambar pula membabitkan ekspresi wajah unik atau kreatif dengan menyertakan bersama keterangan gambar.

Headline	Jelajah cinta tanpa sempadan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	13	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	370 cm ²
Journalist	Mohd Sabran Md Sani	AdValue	RM 13,613
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,839



GEMBIRA...pelajar sebuah kolej kejururawatan bergambar bersama kanak-kanak KBNAB di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur, baru-baru ini.



NORLINA...sambung pelajaran ke UM